**Lampiran A**

## BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)

**Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Keahlian**

**Pengerusi :** Ketua Setiausaha Kementerian
**Pengerusi Bersama:** Ketua Pengarah Kesihatan

**Ahli-ahli:**

(i) Semua Timbalan Ketua Setiausaha
(ii) Semua Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(iii) Semua Setiausaha Bahagian
(iv) Semua Pengarah Bahagian
(v) Penasihat Undang-undang
(vi) Ketua Audit Dalam
(vii) Ketua Pusat Informatik Kesihatan

**Urus setia:** Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

**Bidang Tugas**

(i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT Kementerian;

(ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arahtuju/strategi ICT Kementerian;

(iii) Merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT Kementerian;

(iv) Menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan ICT antara Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam;

(v) Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT antara Kementerian dan semua agensi di bawahnya;

(vi) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

(vii) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya, serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;

(viii) Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya berdasarkan keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;

(ix) Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT bagi Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya kepada urus setia JTICT untuk kelulusan teknikal;

(x) Mengemukakan laporan projek ICT yang diluluskan di peringkat JPICT Kementerian dan dibuat perolehan kepada urus setia JTICT; dan

(xi) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT bagi Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya yang telah diluluskan diperingkat Kementerian kepada urus setia JTICT mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan.